PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor /100

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

Arahan: *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan. Jawab* **semua** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A**, **B**, **C**, *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.*

1. Ilmu ekonomi merupakan ilmu mengkaji bagaimana manusia menggunakan sumber ekonomi yang

A terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad

B tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad

C terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad

D tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad

2. Pernyataan berikut merujuk kepada suatu masalah pilihan.

> Pilih projek pembangunan terbaik yang dapat memaksimumkan kebajikan rakyat.

Unit ekonomi yang manakah mengalami masalah pilihan itu?

A Seorang pekebun sayur

B Tuan punya sebuah kilang

C Seorang suri rumah tangga

D Kementerian Pertanian Malaysia

3. Maklumat berikut adalah sumber-sumber ekonomi yang diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

• Buruh	• **X**
• Tanah	• Usahawan

Antara yang berikut, yang manakah berkenaan dengan **X**?


A Alatan mesin yang digunakan untuk mengeluarkan sesuatu barang

B Sumber semula jadi yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu barang

C Tenaga manusia sama ada fizikal atau pun mental yang digunakan semasa proses pengeluaran

D Individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan sesuatu barang

4. Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Rajah 1

Apakah yang akan terjadi jika kombinasi pengeluaran berlaku di titik *T*?

A Tingkat pengeluaran barang tidak tercapai

B Faktor pengeluaran digunakan secara optimum

C Berlaku pembaziran faktor pengeluaran dalam ekonomi

D Tingkat pengeluaran berlaku pada tahap guna tenaga penuh

5. Berikut adalah maklumat mengenai Puan Atikah.

> Puan Atikah merupakan seorang tokoh usahawan. Beliau telah mengeluarkan songket dan memilih untuk menggunakan kaedah intensif buruh dalam proses pengeluarannya.

Apakah masalah ekonomi yang perlu diselesaikan oleh Puan Atikah?

I Apa yang hendak dikeluarkan?

II Bagaimana hendak dikeluarkan?

III Untuk siapa hendak dikeluarkan?

IV Berapa yang hendak dikeluarkan?

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

6. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

- Persaingan amat digalakkan.
- Cukai dan subsidi digunakan agar agihan pendapatan lebih adil.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan di negara tersebut?
A Sistem Ekonomi Islam
B Sistem Ekonomi Kapitalis
C Sistem Ekonomi Campuran
D Sistem Ekonomi Perancangan Pusat


7. Apakah kebaikan Sistem Ekonomi Kapitalis?
A Kebajikan rakyat terjamin
B Wujud persaingan yang adil
C Harga barang keperluan terkawal
D Individu bebas membuat pilihan

8. Keluk permintaan menunjukkan hubungan antara
A hukum dan jadual permintaan
B harga dan kuantiti barang diminta
C harga barang dan jumlah pengeluaran
D harga sesuatu barang dan keanjalan kuantiti diminta

9. Apabila harga barang *M* naik, kuantiti yang diminta bagi barang *N* berkurang.
Antara yang berikut, apakah kemungkinan barang bagi barang *M* dan barang *N*?

	Barang *M*	**Barang *N***
A	Teh	Kopi
B	Kereta	Petrol
C	Getah asli	Kelapa sawit
D	Baju	Kemeja

10. Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 2

Faktor yang menyebabkan pergerakan tersebut ialah peningkatan
A kos pengeluaran
B tingkat pendapatan
C harga barang itu sendiri
D jangkaan harga masa depan

11. Jadual 1 menunjukkan jumlah permintaan kereta Saga bagi tahun 2018.

Harga(RM)	**Kuantiti diminta (buah)**	
	Januari	**Jun**
RM39 998	5 000	8 900

Jadual 1

Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan permintaan kereta tersebut?
I Kenaikan harga petrol
II Cukai kereta import diturunkan
III Kadar cukai pendapatan diturunkan
IV Syarat pinjaman kenderaan dilonggarkan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

12. Barang *P* dikatakan bersifat anjal. Berapakah pekali keanjalan barang *P*?
A $E_d = 0.0$ **C** $E_d = 1.0$
B $E_d = 0.1$ **D** $E_d = 2.0$

13. Pekali keanjalan harga permintaan bagi barang *W* ialah 0.75.
Apakah langkah yang harus diambil oleh pengeluar untuk memaksimumkan keuntungan?
A Menurunkan harga barang *W*
B Meningkatkan harga barang *W*
C Meningkatkan harga barang penggenap
D Menurunkan harga barang pengganti

14. Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti penawaran untuk sejenis barang.

Harga (RM)	**Kuantiti yang ditawarkan (unit)**
3	25
6	30
9	35
12	32
15	30
18	33

Jadual 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pasangan manakah yang bertentangan dengan hukum penawaran?

A Daripada RM3 kepada RM9
B Daripada RM6 kepada RM9
C Daripada RM12 kepada RM15
D Daripada RM15 kepada RM18

15. Antara yang berikut, faktor yang manakah menyebabkan peningkatan terhadap penawaran perabot tempatan?

I Penurunan cukai jualan
II Kemajuan tingkat teknologi
III Matlamat firma untuk memaksimumkan keuntungan
IV Penurunan harga perabot tersebut

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

16. Keanjalan harga penawaran adalah anjal sekiranya peratus perubahan

A pendapatan melebihi peratus perubahan kuantiti ditawarkan
B harga melebihi peratus perubahan dalam kuantiti ditawarkan
C dalam kuantiti ditawarkan melebihi peratus perubahan harga
D dalam kuantiti ditawarkan sama dengan peratus perubahan harga

17. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan kuantiti ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi barang *R* dan barang *S*.

Barang	Peratus perubahan Harga (%)	Peratus perubahan kuantiti (%)
R	10	20
S	45	15

Jadual 3


Apakah jenis keanjalan harga penawaran bagi barang *R* dan barang *S*?

	Barang *R*	Barang *S*
A	Anjal	Anjal uniti
B	Tak anjal	Anjal
C	Anjal uniti	Tak anjal
D	Anjal	Tak anjal

18. Apakah takrif bagi penawaran pasaran?

A Kuantiti barang yang ditawarkan oleh semua pengeluar dalam pasaran
B Kuantiti barang yang ditawarkan oleh firma pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
C Kuantiti barang yang ditawarkan oleh pengguna dalam tempoh tertentu dalam tingkat harga tertentu
D Kuantiti barang yang ditawarkan oleh semua firma dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

19. Keluk D_1, D_2 dan D_3 dalam Rajah 3 mewakili keluk permintaan bagi tiga orang individu.



Rajah 3

Pada tingkat harga RM5.45, berapakah jumlah permintaan pasaran?

A 37 unit **C** 62 unit
B 49 unit **D** 74 unit

20. Jadual 4 menunjukkan penawaran bagi barang *X*.

Harga (RM)	Penawaran Barang *X*	
	Firma 1	Firma 2
2	40	50
4	60	70
5	80	90
6	100	130


Jadual 4

Andaikan keseimbangan pasaran barang *X* dicapai pada tingkat harga RM5 dan kuantiti pada 240 unit. Sekiranya terdapat tiga buah firma dalam pasaran, berapakah penawaran barang *X* bagi firma ke-3 pada harga tersebut?

A 10 unit **C** 110 unit
B 70 unit **D** 150 unit

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

21. Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran.



Rajah 4

Pada tingkat upah RM30, berapakah jumlah lebihan permintaan buruh dalam pasaran?

A 35 orang
B 40 orang
C 60 orang
D 75 orang

22. Antara yang berikut, yang manakah faktor pemilihan pekerjaan?

I Minat
II Jarak
III Pengaruh rakan
IV Permintaan ibubapa

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

23. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Badrul sekeluarga.

> Encik Badrul bekerja sebagai seorang pengurus di sebuah bank dan isterinya pula membuka kedai menjahit pakaian. Anak mereka Darlina pula melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat di bawah tajaan sebuah syarikat swasta.

Antara yang berikut, manakah yang benar tentang pendapatan yang diterima oleh keluarga Encik Badrul?

	Encik Badrul	Isteri	Anak
A	Untung	Upah	Bayaran pindahan
B	Upah	Faedah	Untung
C	Upah	Untung	Bayaran pindahan
D	Faedah	Upah	Gaji

24. Antara yang berikut, yang manakah adalah potongan wajib?

I Ansuran kereta
II Premium insurans
III Caruman PERKESO
IV Cukai pendapatan perseorangan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

25. Antara yang berikut, tindakan manakah yang akan meningkatkan pendapatan boleh guna individu?

I Penurunan kadar caruman KWSP
II Kenaikan kadar caruman PERKESO
III Kenaikan kadar cukai pendapatan individu
IV Kenaikan jumlah pelepasan cukai pendapatan individu

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

26. Maklumat berikut berkenaan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Bala.

> • Pendapatan bulanannya RM5 000.
> • Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan dua orang anak yang masih kecil.
> • Beliau membayar cukai pendapatan sebanyak RM3 075.
> • Beliau mencarum 11% daripada pendapatannya ke dalam KWSP.
> • Setiap bulan, beliau membayar premium insurans nyawa sebanyak RM168 dan membuat tabungan sebanyak RM400.

Berapakah jumlah perbelanjaan Encik Bala bagi tahun tersebut?

A RM50 325 **C** RM45 525
B RM49 757 **D** RM43 509

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

27. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu konsep ekonomi.

- Keinginan untuk memiliki barangan untuk hidup dengan lebih selesa.
- Ia pelbagai dan tidak terhad.

Apakah konsep tersebut?

A Kehendak
B Keperluan asas
C Keperluan lain
D Kemahuan manusia

28. Mengapakah seseorang individu perlu membuat belanjawan peribadi?

A Untuk berbelanja lebih pada masa kini
B Untuk memupuk tabiat berjimat cermat
C Untuk mencapai kepuasan yang maksimum
D Untuk memudahkan individu memperoleh pinjaman

29. Antara perbelanjaan berikut, yang manakah perbelanjaan pelaburan?

I Membeli jentera untuk kegunaan kilang
II Membeli kereta baru untuk makan angin
III Membeli tanah untuk menanam pokok durian
IV Membeli barang niaga untuk kegunaan keluarga

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

30. Berikut adalah maklumat mengenai Encik Ibrahim.

Encik Ibrahim telah bersara sebagai seorang pengurus. Beliau telah menerima ganjaran sebanyak RM500 000 dan bercadang untuk menabung keseluruhan wang tersebut di dalam institusi perbankan.

Mengapakah Encik Ibrahim mengambil keputusan yang sedemikian?

I Untuk membeli rumah kediamannya
II Untuk memperoleh pulangan dalam bentuk dividen
III Untuk menyimpan wang di tempat yang lebih selamat
IV Untuk menghadapi sesuatu peristiwa yang di luar jangkaan pada masa hadapan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

31. Firma ialah satu unit ekonomi yang

A merancang untuk mencapai kos minimum
B merancang untuk mencapai keuntungan yang maksimum
C membekalkan faktor-faktor pengeluaran kepada isi rumah
D menguruskan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

32. Apakah yang dimaksudkan dengan keluaran sut?

A Jumlah keluaran bagi setiap unit input berubah
B Jumlah keluaran dikeluarkan apabila input berubah ditambah kepada input tetap
C Perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan satu unit input berubah
D Perubahan dalam jumlah keluaran apabila berlaku perubahan dalam penggunaan satu unit input tetap

33. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh sesebuah firma untuk menambahkan output dalam jangka pendek?

I Menambahkan bilangan pekerja
II Menambahkan bahan mentah
III Menambahkan penggunaan mesin
IV Menggunakan teknologi moden

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

34. Jadual 5 menunjukkan hubungan antara bilangan buruh dengan jumlah keluaran suatu barang.

Bilangan buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)
0	–
2	2
4	8
6	16
8	20

Jadual 5

Penggunaan buruh yang ke berapakah, keluaran sut adalah yang paling tinggi?

A 2
B 4
C 6
D 8

Soalan 35 *hingga* **40** *adalah berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I Tanah merupakan sumber anugerah alam semula jadi dan penawarannya adalah terhad.
II Modal merupakan alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

36. I Harga barang dijangka menurun pada masa depan merupakan faktor peralihan keluk penawaran ke kanan.
II Kenaikan harga barang pengganti akan menyebabkan peralihan keluk permintaan ke kiri.

37. I Wadiah ialah perkongsian untung.
II Takjiri ialah pindah milik harta sewa.

38. I Sistem pembelian barang melalui e-dagang mendorong pengguna lebih berbelanja.
II Peningkatan harga barang akan meningkatkan kemampuan perbelanjaan pengguna.

39. I Input berubah tetap wujud apabila tingkat keluaran adalah sifar.
II Semua input yang digunakan adalah input berubah dalam pengeluaran jangka pendek.

40. I Kos marginal mengukur kos seunit keluaran firma.
II Firma akan memperoleh untung positif apabila jumlah kos lebih rendah daripada jumlah hasil.

KERTAS SOALAN TAMAT

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab **semua** *soalan dalam bahagian ini.*

1. (a) Berikut adalah keputusan yang telah diambil oleh kerajaan sebuah negara.

> Kerajaan telah menangguhkan projek pembinaan sekolah yang menelan belanja berbilion ringgit untuk memberi tumpuan kepada projek-projek pembangunan luar bandar.

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas.

[6 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi negara *X*.

- Harga barangan ditentukan oleh mekanisme harga
- Kerajaan mengawal melalui cukai dan subsidi

Huraikan **tiga** ciri lain sistem ekonomi negara *X* tersebut.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) (i) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan **dua** faktor yang mempengaruhi permintaan.

[4 *markah*]

(ii) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan **dua** faktor yang mempengaruhi penawaran.

[4 *markah*]

2. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pendapatan Encik Salleh.

> Encik Salleh seorang buruh di sebuah kilang percetakan dan memperoleh pendapatan sebanyak RM1 200 sebulan. Akibat kemalangan di tempat kerja, Encik Salleh telah menerima pampasan sebanyak RM50 000.

Selain sumber pendapatan di atas, terangkan **dua** jenis sumber pendapatan individu yang lain.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Berikut adalah senarai kos yang terlibat dalam proses pengeluaran Firma Kamal.

Upah pekerja
Sewa kilang
Insurans kilang
Bahan api

(i) Tentukan jenis kos bagi senarai kos tersebut. Terangkan setiap jenis kos tersebut.

[4 *markah*]

(ii) Sekiranya anda seorang pengurus kilang di Firma Kamal, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan untuk mengurangkan jumlah kos syarikat tersebut. Berikan pendapat anda.

[4 *markah*]

(c) Dengan bantuan gambar rajah, terangkan maksud hukum penawaran.

[6 markah]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. (a) Encik Zaharan merupakan seorang penyelia kilang di Bakar Arang, Sungai Petani. Beliau menerima gaji tetap sebanyak RM2 500 sebulan dan elaun tambahan sebanyak RM400. Selepas tiga tahun bekerja, beliau mengikuti kursus jangka pendek di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang perniagaan selama enam bulan. Seteleh menamatkan pengajian, beliau telah membuka sebuah restoran di Sungai Petani dan memperoleh keuntungan sebanyak RM10 000 sebulan. Jadual berikut menunjukkan perbelanjaan bulanan Encik Zaharan semasa beliau bekerja di kilang dan semasa membuka restoran.

Butiran	**RM**	**RM**
	Sebelum Penyelia kilang	**Selepas Buka Restoran**
Makanan / minuman	400	600
Hiburan	200	300
Tambang bas	150	150
Bil Telefon bimbit	280	450
Perubatan ibu bapa	250	150
Wang saku	300	600
Derma	150	300

Jelaskan perubahan corak perbelanjaan Encik Zaharan.

[4 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, apakah kepentingan produktiviti sesebuah syarikat terhadap ekonomi negara?

[3 *markah*]

(c) Berikut ialah tiga situasi yang berasingan. Jelaskan kesan ke atas pasaran motosikal bagi setiap situasi berikut.

(i) Kakitangan kerajaan menerima kenaikan gaji bulanan.

[3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(ii) Perkhidmatan pengangkutan awam lebih cekap.

[3 *markah*]

(iii) Peningkatan teknologi terkini dalam pembuatan motosikal.

[3 *markah*]

(d) Gambar 1 menunjukkan urusan jual beli di antara Johnny dengan Mahir.



Gambar 1

Johnny dengan Mahir menggunakan sistem yang adil iaitu sistem wang. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut? Kemukan alasan anda.

[4 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

Bahagian B

[40 *markah*]

Jawab **dua** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

4. (a) Gambar 2 menunjukkan aktiviti ekonomi dalam sektor ekonomi.



Gambar 2

Jelaskan ciri dan kepentingan sektor ekonomi tersebut terhadap ekonomi negara. [5 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah sesebuah negara tidak bergantung sepenuhnya pada sektor tersebut? Kemukakan alasan anda secara terperinci. [8 *markah*]

(c) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pemberian subsidi terhadap pasaran padi. [7 *markah*]

5. (a) Petikan di bawah berkaitan dengan aktiviti perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang.

Perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang.

Aktiviti perlombongan bauksit memberi kesan pada alam sekitar dan apa yang lebih dibimbangkan ialah ia boleh mengancam kesihatan penduduk setempat. Kejadian penerokaan bauksit di Felda Bukit Goh menjadi antara paparan yang cukup panas bermula pada pertengahan tahun sehingga penghujung tahun 2015.

(Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Online 13 Januari 2016)

Selain sumber ekonomi di atas, terangkan **tiga** sumber yang terlibat dalam industri tersebut. [6 *markah*]

(b) Bincangkan kesan eksternaliti positif dan negatif yang timbul kesan daripada aktiviti pengeluaran bahan mentah tersebut. [8 *markah*]

(c) Apakah langkah yang boleh diambil oleh firma dan kerajaan untuk menangani kesan eksternaliti di 4(b)? [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. (a) Sinar Mas Sdn. Bhd. merupakan syarikat pengeluar kasut sekolah popular yang terawal dalam pasaran tempatan dan luar negara. Pada setiap musim persekolahan, syarikat tersebut memperkenalkan kasut yang baharu. Jadual berikut menunjukkan hubungan antara harga pasaran dengan kuantiti ditawar dan kuantiti diminta bagi kasut sekolah tersebut.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)	Kuantiti diminta (unit)
2	5	60
4	10	50
6	20	37
8	30	30
10	40	20
12	50	10

Syarikat mendapat persaingan yang hebat dari syarikat yang lain. Pengurus Sinar Mas Sdn. Bhd. telah meningkatkan nilai jualan untuk memaksimumkan keuntungan syarikat. Matlamat syarikat adalah mewujudkan liputan pasaran yang lebih luas dan membina kesetiaan pelanggan terhadap keluarannya. Namun syarikat memerlukan modal tambahan untuk menjalankan promosi dan memberi potongan harga secara menyeluruh.

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk keseimbangan pasaran bagi keluaran kasut tersebut.

(*Gunakan skala 2 cm : 2 unit pada paksi harga dan 2 cm : 10 unit pada paksi kuantiti*) [6 *markah*]

(b) Mengapakah terdapat jurang perbezaan yang besar bagi permintaan pasaran pada tingkat harga RM4 dengan RM6? Jelaskan. [6 *markah*]

(c) Jelaskan kesan terhadap pengguna, pengeluar, pengedar dan kerajaan, sekiranya syarikat tersebut menambahkan jumlah eksport ke luar negara. [8 *markah*]

7. Maklumat di bawah berkaitan dengan pasaran ikan negara.

Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) telah memberi beberapa insentif kepada nelayan seperti subsdi diesel terutamanya bagi nelayan yang menangkap ikan kembung. Walau bagaimanapun, akibat daripada aktiviti perlombongan petroleum di Pantai Timur Malaysia, bekalan ikan kembung semakin merosot di pasaran ikan Malaysia.

(a) Terangkan faktor yang mempengaruhi penawaran terhadap ikan kembung. [6 *markah*]

(b) Apakah rasional kerajaan memberi insentif kepada nelaya? Berikan pendapat anda. [7 *markah*]

(c) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan perlombongan petroleum terhadap pasaran ikan kembung. [7 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.